

# UMS '1 Heart Run' sukses

Oleh DESMOND QWEK  
komaqwek2k5@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Program kesedaran '1 Heart Run' di perkarangan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini berlangsung dengan sukses. Program anjuran pelajar-pelajar tahun tiga Kelab Pengurusan Hotel, SPE UMS tersebut disertai oleh ratusan ahli masyarakat pelbagai bangsa dan agama dari sekitar ibu negeri.

Majlis pelepasan larian dan pencapaian hadiah kepada para pemenang telah disempurkan oleh Dekan SPE UMS; Prof. Madya Dr. Hjh Arsia Hj. Bahron.

Larian sejauh tujuh kilometer tersebut menyaksikan persaingan empat kategori melibatkan peringkat umur 18-34 tahun dan 35 tahun ke atas bagi kategori lelaki dan wanita.

Persaingan peringkat umur 18-34 tahun menyaksikan kategori lelaki diungguli oleh Henry Lee manakala kategori wanita pula dimenangi oleh Melanie Goh Mei Kwen.

Percaturan peringkat umur 35 tahun ke atas pula dikuasai oleh pasangan suami isteri yang tidak asing lagi iaitu Guainus Salagan dan Kona Liau yang mana masing-masing menjuarai kategori lelaki dan wanita.

"Program ini berjalan dengan lancar sekali. Bagi pihak penganjur saya



**HARI YANG CERIA...Hjh Arsia (depan dua kiri) bersama para peserta memberikan reaksi '1Heart' kepada jurugambar sebelum larian dimulakan.**



**PEMBUKA PROGRAM..Para peserta dipimpin oleh atlet UMS; Pang Tsun Kuo melakukan senamrobik dan pemanasan badan.**



**PERSAINGAN BERMULA...Para peserta berlari pantas selepas dilepaskan oleh Hjh Arsia.**

merakamkan penghargaan dan sebanyak terima kasih kepada para peserta, penaja, pihak universiti,

rakan-rakan penganjur serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak

langsung.

"Matlamat pelaksanaan aktiviti ini adalah bertujuan untuk membinamasyarakat yang sihat menerusi badan yang cergas, minda yang cerdas," ujar jurucakap penganjur Cecy Ng Mei Yee.

"Program ini memupuk gaya hidup sihat di kalangan masyarakat di samping mempromosikan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan serta memupuk kesedaran masyarakat mengenai pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat setiap hari dan sepanjang masa," tambah Cecy lagi.

Menurut beliau, selain larian, beberapa aktiviti pengisian turut dilangsungkan mengisi

program tersebut termasuk pertandingan pertunjukan kereta, pameran mengenai kesihatan, warong menjual makanan dan cabutan bertuah.

Program tersebut mendapat tajaan daripada Pelancongan Malaysia, Ararat Sports and Souvenirs S/B, Ahba Sports and Souvenirs, Saza Rice, BP Clinical Lab, F&N Beverages Marketing S/B, Sabah International Diaries S/B, Manja Hotel, BP Healthcare Group, Ka Mui Bakery dan Novotel Hotel.

**SUKAR DIKEJAR ... Aksi Guianus Salagan selaku peserta pertama tiba di garisan penamat.**



**UNTUK KESIHATAN...Kaunter pemeriksaan tekanan darah turut disediakan kepada orang ramai.**



**KERETA ISTIMEWA...Kelvin Chua (kanan) menerima hadiah selaku pemenang tempat pertama pertunjukan automobil.**



**JUARA 35 TAHUN KE ATAS LELAKI...Guainus Salagan (kiri) menerima hadiah kejuaraan.**



**JUARA 35 TAHUN KE ATAS WANITA...Kona Liau (kiri) menerima hadiah kemenangan.**



**JUARA 18-34 TAHUN LELAKI...Henry Lee (kiri) menerima hadiah daripada pihak penganjur.**



(gambar atas) **JUARA 18-34 TAHUN WANITA...Melanie Goh (kiri) menerima hadiah kejayaan.**

(gambar kiri) **SUKSES... Para pelajar tahun tiga Kelab Pengurusan Hotel, SPE UMS merai kejayaan mereka sebagai berakhirnya '1 Heart Run' di perkarangan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.**

